

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH (TAMBUN)**

TARIKH : 2 OGOS 2017

NO. SOALAN : 29

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mewujudkan negara Malaysia berbilang kaum yang bersatu-padu dan bekerjasama antara satu sama lain serta tiada jurang perkauman 'racist'.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana pemimpin negara berupaya mengurus kepelbagaian sehingga memperolehi pengiktirafan dan penghormatan oleh dunia luar dan dirujuk sebagai salah satu model negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik dengan izin (*engage and educate*), JPNIN telah, sedang dan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

- a) Menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan** yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan mensasarkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- b) **Memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara** agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Mengadakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan **World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni** dan lain-lain.
- d) Menggalakkan percambahan idea di kalangan golongan muda melalui **wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum.**
- e) Menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi di kalangan 1,028 orang **Mediator Komuniti di seluruh negara.**
- f) **Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara** kepada 6,218 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 150 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- g) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera **melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)**.
- h) Menyemai nilai-nilai murni kepada kanak-kanak prasekolah di **1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara agar kanak-kanak ini dapat menghayati dan memahami kepelbagaian masyarakat Malaysia sejak dari kecil lagi.
- i) **Menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian** melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- j) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha mewujudkan negara Malaysia berbilang kaum yang bersatu-padu. Namun jika sikap perkauman yang menebal (*racist*) sehingga menjejaskan keselamatan dan keharmonian masyarakat, maka tindakan undang-undang yang sedang berkuat kuasa akan diambil. Sekian, terima kasih.